



# PELUANG KERJAYA

## KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

### GIATMARA SENDIRIAN BERHAD

#### DESKRIPSI TUGAS

- Jawatan ini merupakan jawatan utama dalam syarikat dan calon adalah daripada individu yang mempunyai ciri bakat kepimpinan yang tinggi dan bertanggungjawab sepenuhnya untuk menerajui syarikat ke arah keberkesanan fungsi dan berkemahiran tinggi dalam bidang Kemahiran Teknikal.
- Bertanggungjawab melapor keseluruhan operasi dan kedudukan kewangan syarikat kepada Lembaga Pengarah Syarikat dan Majlis Amanah Rakyat (MARA).

#### KELAYAKAN & PENGALAMAN

- Warganegara Malaysia;
- Berumur kurang dari 58 tahun semasa permohonan dibuat;
- Memiliki sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Pengurusan Perniagaan/Pemasaran/Kewangan/Perakaunan atau berkaitan yang diiktiraf atau kelayakan yang setara dengannya. Pengalaman bekerja sekurang-kurangnya 10 tahun dengan prestasi yang baik dalam pengurusan tertinggi syarikat;
- Berpengalaman melebihi 15 tahun dalam bidang pengurusan latihan dan pembangunan kemahiran TVET;
- Mempunyai prestasi cemerlang, tidak pernah dikenakan sebarang tindakan tatatertib, memiliki sifat-sifat kepimpinan yang dinamik, berwawasan dan mempunyai pengalaman yang luas dalam hubungan industri. Berkebolehan mengurus hal-hal pentadbiran, kewangan, sumber manusia dan aset bagi mencapai objektif syarikat; dan
- Calon yang memiliki jaringan perniagaan yang baik, daya pemikiran yang strategik, nilai integriti yang tinggi, kemahiran komunikasi yang baik, nilai kepimpinan tinggi, keupayaan membuat keputusan, proaktif dan mempunyai ciri-ciri keusahawanan diberi keutamaan.

#### TERMA & SYARAT JAWATAN

Jawatan ini berstatus KONTRAK. Gaji, elaun, terma dan syarat jawatan yang lain adalah tertakluk kepada pertimbangan serta kelulusan MARA dan Lembaga Pengarah Syarikat.



Calon yang berminat dan berkelayakan dijemput untuk mengemukakan permohonan secara rasmi bersama resume/ Curriculum Vitae (CV) lengkap yang menyatakan maklumat peribadi, kelayakan akademik (sertakan salinan sijil yang berkaitan), pengalaman kerja, gaji dipohon dan sekeping gambar bersaiz pasport kepada :

PENGARAH  
BAHAGIAN PEMBANGUNAN  
SUMBER MANUSIA

No. 39 & 41,  
Wisma GIATMARA  
Jalan Medan Tuanku  
50300 Kuala Lumpur  
Tel : 03 2691 2690  
samb. 310 / 309

Email:  
[iklankekosongan@giatmara.edu.my](mailto:iklankekosongan@giatmara.edu.my)



Tarikh Tutup Permohonan :  
7 Ogos 2020  
(hanya calon yang disenarai  
pendek akan dipanggil untuk  
menghadiri sesi temuduga)